

2.1 PENGURUSAN PROJEK REKA BENTUK

BAHAGIAN A

- 1 Yang berikut adalah komponen besar pengurusan projek **kecuali**...
 - A Kos projek
 - B Skop kerja
 - C Tenaga kerja
 - D Tempoh masa
- 2 Skop kerja meliputi...
 - I skop produk
 - II skop masa
 - III skop projek
 - IV kos projek
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 3 Pengurusan projek reka bentuk merangkumi perkara-perkara yang berikut **kecuali**...
 - A menentukan bilangan produk.
 - B merancang aktiviti projek.
 - C menyediakan anggaran kos.
 - D mengawal pelaksanaan projek.
- 4 Apakah **dua** kaedah penyediaan anggaran kos?
 - I Kaedah unit/kuantiti
 - II Kaedah SMART
 - III Kos bahan
 - IV Kos pengeluaran
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 5 Soalan berdasarkan pernyataan yang berikut.

Kesesuaian dengan kehendak pengguna dan dianalisis sama ada kehendak mereka mencapai tujuan projek.

Antara berikut, yang manakah mewakili huruf SMART?

- | | |
|-----|-----|
| A S | C R |
| B M | D T |

- 6 Soalan berdasarkan rajah di bawah.



Apakah X?

- A Menetapkan harga pada kadar yang menguntungkan.
 - B Memastikan projek tiada penambahbaikan.
 - C Memastikan bahan yang diperolehi untuk projek adalah murah.
 - D Mengelakkan kerugian masa dan kos.
- 7 Garis panduan penjadualan projek adalah seperti yang berikut **kecuali**...
 - A menentukan aktiviti jadual.
 - B menyusun aktiviti mengikut keperluan.
 - C menganggarkan tempoh masa untuk suatu aktiviti.
 - D membuat promosi agar diketahui oleh bakal pembeli.

BAHAGIAN B

1 Maklumat di bawah mengenai pengurusan projek reka bentuk.

A	Kos projek
B	Skop kerja
C	Tempoh masa

Padankan pernyataan berikut dengan menulis **A**, **B**, dan **C** di petak yang disediakan.

Melibatkan peruntukan seperti peralatan, sewaan, dan insurans

Melibatkan kualiti dan ciri reka bentuk yang dikehendaki

Merupakan tempoh masa untuk menyempurnakan sesuatu projek

[3 markah]

TINGKATAN 1

2 Soalan berdasarkan situasi di bawah mengenai idea reka bentuk untuk menyelesaikan masalah.



Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (✗) pada pernyataan yang **salah** berdasarkan situasi tersebut.

Pengalaman orang lain


Uji kaji

Pembelian produk

[3 markah]

3 Nyatakan **dua** kaedah yang dapat digunakan dalam menyediakan anggaran kos awal.

i-THINK



[2 markah]

4 Namakan penjanaan idea di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

Menterbalik
kedudukan

Menukar saiz
objek

Menterbalik
fungsi

Meniru dari
persekitaran

(a)



(b)



[2 markah]

5 Maklumat di bawah mengenai tugas pengurus projek.

A	Pengelolaan aktiviti
B	Penentuan utama
C	Matris organisasi
D	Penentuan subutama

Tuliskan sama ada **A**, **B**, **C**, atau **D** pada pernyataan yang berikut.

Pada peringkat ini, ahli pasukan berbincang mengenai tujuan dan objektif yang ingin diperolehi daripada projek yang dilakukan

Pada tahap ini, pasukan yang dibentuk akan menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing

Peringkat ini memainkan peranan penting kerana perancangannya lebih teliti seperti risiko kepada projek

[3 markah]

6 Nyatakan maksud SMART di ruang yang disediakan.

- (a) S → _____
- (b) M → _____
- (c) A → _____
- (d) R → _____
- (e) T → _____

[5 markah]